

BAB LIMA

BAB 5

PENUTUP

5.1 KESIMPULAN

Hasil keseluruhan penyelidikan ini, penulis dapat membuat beberapa kesimpulan sebagaimana berikut:

- 5.1.1 *Surah al-Furqān* merupakan surah ke-25 mengikut susunan *mushaf Uthmani*. Ia tergolong dalam kategori surah *makkiyyah*. Allah s.w.t telah menceritakan dalam surah ini mengenai:
- i. Al-Qur'an adalah peringatan kepada seluruh manusia.
 - ii. Allah s.w.t telah menolak pelbagai tuduhan palsu daripada orang kafir terhadap al-Qur'an dan Rasulullah s.a.w.
 - iii. Keadaan manusia yang tidak beriman kepada al-Qur'an pada hari kiamat.
 - iv. Kisah-kisah umat Nabi yang terdahulu sebagai pengajaran..
 - v. Tanda-tanda kekuasaan dan penciptaan Allah s.w.t. terhadap alam seperti kejadian bayang-bayang, fungsinya angin, air dan lain-lain.
 - vi. Sifat-sifat *'Ibād al-Rahmān* yang mendapat kemuliaan di sisi Allah s.w.t. dengan balasan nikmat syurga kekal yang selama-lamanya.

5.1.2 Allah s.w.t telah menfokuskan dengan lebih terperinci mengenai konsep 'Ibād al-Rahmān dan keistimewaannya secara khusus pada akhir *surah al-Furqān*. Para *mufasssirin* menjelaskan maksud 'Ibād al-Rahmān yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. ialah hamba-hamba Allah Yang Maha Penyayang. Untuk mencapai martabat hamba-hamba yang disayangi oleh Allah ini, mereka bersungguh-sungguh untuk memiliki sifat-sifat ini dengan keimanan yang kental dan beramal salih dengan penuh keikhlasan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Oleh itu, bagi mereka yang sabar dalam melakukan ketaatan yang ikhlas ini telah dijanjikan Allah s.w.t. untuk kekal selamanya di syurga.

5.1.3 Sifat-sifat 'Ibād al-Rahmān yang telah dinyatakan dalam al-Qur'an ini ialah:

- | | |
|---------------------------------------|------------------------------------|
| a) Tawaduk | [<i>surah al-Furqān</i> (25):63] |
| b) Lemah lembut dan bercakap baik | [<i>surah al-Furqān</i> (25):63] |
| c) Solat tahajud | [<i>surah al-Furqān</i> (25):64] |
| d) Takut pada azab Allah | [<i>surah al-Furqān</i> (25):65] |
| e) Sederhana dalam berbelanja | [<i>surah al-Furqān</i> (25):67] |
| f) Tidak syirik, membunuh dan berzina | [<i>surah al-Furqān</i> (25):68] |
| g) Tidak melakukan persaksian palsu | [<i>surah al-Furqān</i> (25):72] |
| h) Sedia menerima nasihat | [<i>surah al-Furqān</i> (25):73] |
| i) Sentiasa berdoa kepada Allah | [<i>surah al-Furqān</i> (25):74] |

5.1.4 Hasil kajian yang dibuat ,didapati tahap kefahaman guru-guru agama terhadap konsep '*Ibād al-Raḥmān* adalah seperti berikut:

- i. Dari aspek kefahaman maksud '*Ibād al-Raḥmān* adalah memuaskan (rujuk bab 4, jadual 6).
- ii. Dari aspek pengetahuan tentang bilangan sifat-sifat '*Ibād al-Raḥmān* adalah didapati sebahagian besar guru-guru agama menjawab dengan baik dan memuaskan walaupun kurang tepat. (rujuk bab 4, jadual 7)
- iii. Dari aspek sifat-sifat yang dikategorikan sebagai '*Ibād al-Raḥmān* secara terperinci pula didapati sebahagian besar para guru agama yang terlibat memilih jawapan melebihi daripada sifat-sifat '*Ibād al-Raḥmān* yang dinyatakan di dalam al-Qur'an. Ini menunjukkan kepekaan mereka terhadap isu ini walaupun kurang memahami konsep ini dengan jelas. (rujuk bab 4, jadual 8).

5.1.5 Konsep '*Ibād al-Raḥmān* merupakan suatu bentuk pembinaan insan secara menyeluruh. Pemahaman dan penghayatannya bukanlah setakat amalan sembahyang, puasa, zakat, dan haji serta nikah kahwin sahaja tetapi mencakupi sistem sosial, ekonomi, politik dan undang-undang. Ianya turut melibatkan hubungan mereka dengan Allah s.w.t. dan juga hubungan sesama manusia.

- 5.1.6 Penekanan dan penguasaan terhadap konsep ini amat penting terutama para guru agama dalam mendidik dan mengajar ilmu kepada pelajar-pelajar yang bukan sahaja diisi dengan ilmu dunia malah mereka amat memerlukan santapan rohani sebagai generasi harapan perjuangan untuk mengembalikan kegemilangan Islam.
- 5.1.7 Masyarakat Islam kini kurang mengambil berat mengenai persoalan akidah yang merupakan tunjang kekuatan iman kepada Allah s.w.t. apatah lagi untuk menguasai konsep *'Ibād al-Raḥmān* ini. Akibatnya berlaku kegawatan umat Islam hasil daripada pelbagai serangan pemikiran oleh musuh-musuh Islam.
- 5.1.8 Pendidikan Agama Islam khususnya pengajian ilmu tafsir al-Qur'an di sekolah-sekolah menengah agama secara rasmi tidak dapat memenuhi keperluan untuk memberi kefahaman tentang tajuk *'Ibād al-Raḥmān*. Kepelbagaian kurikulum dan kokurikulum di sekolah-sekolah Menengah Agama seperti program-program syarahan dan kuliah agama, program kesedaran Islam, tadarus al-Qur'an dengan melibatkan para guru agama dan pelajar-pelajar sangat berkesan dalam menampung kekurangan tersebut.

5.2 SARANAN

Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan, di sini penulis ingin mengemukakan beberapa saranan hasil dari penyelidikan terhadap konsep *'Ibād al-Rahmān* demi kebaikan bersama iaitu:

5.2.1 Kepada Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia:

- a) Penulis ingin menyarankan agar dapat menilai semula sukatan pelajaran pendidikan Islam di sekolah-sekolah Menengah Agama agar dimasukkan ayat-ayat *'Ibād al-Rahmān* dalam *surah al-Furqān* ini dalam silibus tafsir al-Qur'an dan sebagainya. Dengan itu, para guru dan pelajar akan lebih terdedah kepada konsep ini bukan hanya untuk tujuan peperiksaan sahaja tetapi juga untuk tujuan amalan sehari-hari.
- b) Menganjurkan kursus-kursus atau program berkaitan konsep *'Ibād al-Rahmān* dengan pelbagai bentuk yang lebih berkesan seperti menganjur program motivasi Islam dan sebagainya.

5.2.2 Kepada Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu :

- a) Topik *'Ibād al-Rahmān* ini perlu diberi penekanan di dalam sistem pengajian Islam dan menjadi subjek wajib di sekolah-sekolah , bukan sahaja pelajar-pelajar mendapat maklumat yang berguna, bahkan guru-guru turut merasai betapa indahnya ilmu Islam apabila dihayati sepenuhnya. :

- b) Disarankan supaya semua pendidik di sekolah di bawah kelolaannya diprogramkan secara berkala dalam setiap aspek agama Islam terutama aspek *'Ibād al-Raḥmān* ini kerana berdasarkan sifat-sifat *'Ibād al-Raḥmān* ia menggambarkan satu ciri yang sangat sesuai bagi melahirkan pendidik berjiwa *'Abīd* dan mendidik pelajar menjadi pelajar cemerlang di dunia dan akhirat.

5.2.3 Kepada Pihak Jabatan Pendidikan Swasta :

- a) Guru-guru hendaklah menjadi model terbaik dalam mengaplikasikan konsep *'Ibād al-Raḥmān* di mana pelajar akan lebih mudah menghayatinya jika para pendidik lebih dahulu mengamalkan dalam kehidupan seharian mereka.
- b) Adalah disarankan supaya penghayatan konsep ini diperluaskan ke dalam masyarakat di mana pihak sekolah menjemput ibubapa dan masyarakat dalam program tertentu supaya mereka diberi kefahaman dan sama-sama menghayati konsep ini dalam kehidupan mereka.

5.2.4 Kepada guru-guru agama:

- a) Secara umumnya konsep *'Ibād al-Raḥmān* masih kurang difahami dan dihayati sepenuhnya di kalangan responden yang telah dibuat. Adalah perlu bagi setiap guru agama khususnya dan para pendidik amnya mempertingkatkan kefahaman Islam dengan menambah ilmu terutama berkaitan konsep ini.

- b) Sentiasa menyertai dan mewujudkan program penghayatan terhadap konsep *'Ibād al-Raḥmān* ini sebagai program berkala samada di sekolah atau dalam masyarakat.
- c) Mengadakan pelbagai aktiviti bersama pelajar-pelajar dalam usaha menghayati konsep tersebut secara tidak langsung para guru dapat mengeratkan hubungan kasih sayang bersama para pelajar.

5.2.5 Kepada Pendakwah-Pendakwah Islam:

- a) Supaya menjadikan konsep *'Ibād al-Raḥmān* sebagai bahan pengajaran kepada masyarakat Islam seperti di masjid, di surau dan sebagainya.
- b) Masyarakat Islam perlu diberi lebih kefahaman terhadap pengajian al-Qur'an lantaran kebanyakan mereka hanya mengetahui topik *'Ibād al-Raḥmān* ini dari sumber bahan bacaan kitab agama secara umum, sedangkan asal usul konsep ini dipetik dari al-Qur'an sendiri.
- c) Dakwah Islam yang menyentuh konsep *'Ibād al-Raḥmān* perlu diperluaskan kepada golongan bukan Islam supaya mereka mendapat gambaran yang sebenar tentang keistimewaan Islam terhadap konsep ini.

5.2.6 Kepada pihak media massa dan media elektronik:

- a) Disarankan dapat mengadakan aktiviti syarahan dan kuliah agama ke arah yang lebih inovatif kerana ia menjadi saluran utama masyarakat mendalami topik ini, terutama kepada pihak terlibat dapat menyalurkan

melalui pelbagai saluran maklumat lain termasuk televisyen dan radio agar perlu menambah perbincangan mengenai topik ini.

- b) " Disarankan segala rancangan program yang bakal disalurkan perlu ditapis dan diteliti dengan sebaiknya terutama yang boleh merosakkan fikiran masyarakat hari ini.

5.2.7 Secara keseluruhannya adalah disarankan kepada semua pihak seperti aspek yang perlu diberi penekanan kepada masyarakat Islam, khususnya golongan ulamak, *murabbī* dan tenaga pengajar di sekolah-sekolah bekerjasama agar konsep asas manusia sebagai hamba-hamba Allah Yang Maha Penyayang ini dapat direalisasikan demi mencapai keredaan Allah s.w.t